

<b>Publication</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Section/Page No.</b>	
<b>Date</b>	<b>Rabu, 31 Ogos 2022</b>	<b>Lead Article</b>	
<b>Headline</b>	<b>Pelan Perlindungan Khas Buat Warga Pendidik</b>		

Pelan perlindungan khas buat warga pendidik

## *Pelan perlindungan khas buat warga pendidik*

**Putrajaya:** Syarikat Takaful Malaysia (Takaful Malaysia) menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bersama Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) bagi mewujudkan pelan perlindungan khas kepada warga pendidik.

Pegawai Eksekutif Syarikat Takaful Malaysia Am Sdn Bhd, Mohamed Sabri Ramli berkata, menerusi MOU berkenaan, ahli yang berdaftar dengan NUTP dapat menikmati pelan perlindungan takaful kemalangan peribadi percuma dengan jumlah perlindungan RM100,000.

Katanya, dengan adanya pelan itu ia secara tidak langsung membantu ahli NUTP meringankan beban keluarga atau ahli keluarga mereka yang ditimpa kema-



*Skim ini juga memberikan faedah elaun tunai harian dan khairat kematian sebagai matlamat tambahan”*

**Mohamed Sabri Ramli**

langan.

“Atas usahasama perniagaan yang baik antara NUTP dan Takaful Malaysia, kita mengumumkan perlindungan tambahan (produk GA) yang ditawarkan kepada semua ahli NUTP yang turut merangkumi manfaat kemalangan diri (Takaful PA).

“Skim baharu ini mempunyai spesifikasi penambahbaikan yang mana kini

kita menawarkan perlindungan kematian, keilangan kekal, indeminiti berganda sekiranya kematian atau keilangan kekal berlaku semasa menaiki kenderaan awam.

“Skim ini juga memberikan faedah elaun tunai harian dan khairat kematian sebagai matlamat tambahan,” katanya dalam ucapan sempena Majlis Menandatangani Memorandum di sini, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad, Nor Azman Zainal berkata, dalam tempoh tiga tahun bermula 2019 sebanyak 17,100 warga pendidik yang juga ahli NUTP dan tanggungannya menikmati perlindungan perubatan daripada syarikatnya.